

Promosi kampung Orang Asli

Mahasiswa UTHM bantu jana ekonomi penduduk Kampung Peta menerusi ekopelancongan

MERSING - Sekumpulan mahasiswa dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Projek Duta Jauhar 4.0 mendekati Orang Asli di Kampung Peta, di sini bagi membantu mereka menjana pendapatan menerusi ekopelancongan.

Pengurus Projek Duta Jauhar 4.0 UTHM-Peta Educational Tourism Association, Nur Aisyah Aireen Mohd Salehen berkata, pihaknya membantu penduduk kampung berkenaan dari segi penyediaan pakej dan mempromosikan tempat pelancongan di situ.

"Dalam projek ini, antaranya kami bantu 11 golongan sasaran untuk menjadi pemandu pelancong yang baik di mana mereka akan menjalani kursus khas selain kami bantu mencipta laman

web untuk mempromosikan Kampung Peta.

"Di sini juga kaya dengan hasil kraf tangan seperti kelalai, kerancang dan sebagainya yang boleh diketengahkan sekali gus membantu ekonomi penduduk," katanya.

Melalui program selama lima hari itu, mahasiswa UTHM turut berpeluang terlibat dalam persiapan menyambut Hari Perayaan Orang Asli Jakun Peta.

"Dalam perayaan itu kami dapat menyaksikan upacara sembahyang Orang Asli Peta. Kemudian ada aktiviti tari-an sewang, menyempit, memanah, bermain kerancang selain menikmati jamuan raya.

"Pada sebelah malam pula kami berjelos iaitu melawat rumah ke rumah umpama kita orang Melayu pergi beraya atau



Peserta program Duta Jauhar 4.0 bersama sebahagian penduduk Kampung Peta.

marhaban," katanya.

Nur Aisyah berkata, pihaknya gembira kerana kedatangan mereka disambut baik oleh penduduk kampung.

"Tok Batin Kampung Peta, Rampuyan Kantan sa-

ngat menyokong projek kami dan sememangnya kami berterima kasih kerana kehadiran kami diterima baik. Malah orang kampung begitu mengalu-alukan projek kami di tempat mereka," katanya.

Dalam pada itu, Nur

Aisyah membangkitkan soal permasalahan yang diutarakan penduduk kampung mengenai capaian internet di kawasan mereka.

"Menurut Tok Batin, rangkaian telekomunikasi di kawasan Kampung Peta

INFO

● Beberapa kawasan tiada capaian internet

sebelum ini tiada masalah namun sejak dinaik taraf kepada 4G hanya beberapa kawasan yang mempunyai rangkaian.

"Hanya di kawasan dewan internet laju namun malangnya di kawasan-kawasan lain, capaian internet langsung tidak ada," katanya.

Sehubungan itu, pihaknya memohon kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengambil tindakan segera berkaitan perkara itu.

"Isu ini perlu diatasi segera kerana mengambil kira Kampung Peta sebagai kawasan pelancongan," katanya.